

Kes RCI Batu Puteh

Dr Mahathir rayu keputusan prosiding secara terbuka

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad merayu keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak permohonannya untuk memulakan prosiding semakan kehakiman, berhubung prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Batu Puteh.

Dalam permohonan berkenaan, Dr Mahathir memohon perintah supaya RCI Bagi Mengkaji Pengendalian Perkaranya Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan, dijalankan secara terbuka.

Beliau memfailkan notis rayuan itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Rayuan melalui firma guaman Law Practice of Rafique, kelmarin.

Pada 12 Jun lalu, Hakim Datuk Amarjeet Singh turut menolak permohonan sama di muka Dr Mahathir bagi perintah melarang Tun Md Raus Sharif daripada bertindak sebagai pengerusi RCI dan Datuk Dr Baljit Singh Sidhu serta Datuk Mohammed Ridha Abd Karir daripada menjadi ahli RCI.

Permohonan Dr Mahathir untuk menangguhkan prosiding RCI sehingga penyelesaian akhir permohonan berkenaan, turut ditolak mahkamah.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan permohonan supaya dibenarkan memulakan prosiding semakan kehakiman bagi perintah memaksa RCI membenarkan beliau dan peguamnya hadir sepanjang prosiding berkenaan.

Dr Mahathir memfailkan permohonan itu pada 5 Jun lalu, dengan menamakan Md Raus dan timbalannya, Tan Sri Zainun Ali sebagai responden pertama dan kedua.

Ahli RCI iaitu Baljit, Datuk Dr Johan Shamsuddin Sabaruddin, Prof Datin Dr Faridah

Jalil, Datuk Mohammed Ridha, Dickson Dollah dan Setiausaha RCI Zamri Misman dinamakan sebagai responden ketiga hingga kelapan.

Dr Mahathir selaku pemohon, turut memohon satu perisytiharan beliau ialah individu yang menjadi perkara dalam siasatan RCI atari terbabit dengan perkara yang sedang disiasat oleh suruhanjaya berkenaan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950.

Dalam affidavit sokongan yang diikrarnya, Dr Mahathir berkata, beliau dinasihati oleh peguam, pelantikan Raus sebagai Pengerusi RCI menimbulkan kecenderungan berlakunya ketidakadilan dan berat sebelah.

Dr Mahathir juga berkata, keputusan RCI untuk tidak mengadakan prosiding secara terbuka kepada orang awam, adalah tidak munasabah.



Dr Mahathir